

SEWAH BESAR
Large Cuckooshrike

FAMILI: Campephagidae
NAMA SAINTIFIK: *Coracina macei*



CIRI-CIRI

Mempunyai saiz yang besar, paruh yang tebal serta bulu yang berwarna kelabu. Bahagian di antara paruh dan mata berwarna kehitaman manakala bahagian sisi telinga berwarna kelabu gelap dan bahagian bawah tongkeng pula berwarna putih. Bulu pada bahagian hujung sayap berwarna kelabu pudar ke warna putih. Individu ini mempunyai mata berwarna coklat kemerahan dan ekor yang berwarna kelabu kehitaman serta warna putih pada bahagian hujung. Individu dewasa bagi spesies ini mempunyai saiz di antara 27-30.5 sm.

MAKANAN

Serangga-serangga kecil dan buah-buahan.

HABITAT

Hutan dipterokap, hutan campuran, hutan tanah tinggi dan kawasan hutan terbuka pada ketinggian sehingga ke 2,620 m dari aras laut.

BUNYI

Burung ini mengeluarkan bunyi pekikan yang kuat *kie-eeep*.

PEMBIAKAN

Mac hingga Mei. Ia membina sarang yang bersaiz kecil berbentuk seperti cawan dibi-
na di atas dahan pokok pada ketinggian di antara 13-15 m dari paras tanah. Telur yang dihasilkan adalah di antara 2-3 biji berwarna hijau ke warna kuning pucat serta terdapat tompokan-tompokan berwarna ungu pudar. Telur ini berukuran kira-kira (32 X 22.6) mm secara purata.